

Integrasi ilmu aqli dan naqli perkasa USIM

SEREMBAN 1 April - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertekad menjadi sebuah institusi ilmu terkehadapan dalam mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam usaha memperkasakan kedudukannya supaya terus mampu bersaing di arus perdana dan di peringkat antarabangsa.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail berkata, hala tuju USIM pada 2025 adalah untuk menjadi universiti terkemuka dunia untuk integrasi kedua-dua ilmu tersebut dan pada tahun lalu ia sudah mencapai pengiktirafan sebagai universiti peneraju terkini (emerging leader) bagi integrasi ilmu naqli dan aqli di peringkat kebangsaan.

"Untuk menjadi universiti terkemuka dunia, kita akan usahakan pengintegrasian ilmu naqli dan aqli secara berperingkat agar lima tahun dari sekarang semua aspek USIM bermula daripada pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, pentadbiran dan penguurusan, pengantarabangsaan, pembangunan sahsiah pelajar dan staf,



kelestarian kewangan, libatsama komuniti serta pentadbir dan polisi USIM akan diubahsuai dengan baik agar menganuti falsafah integrasi ilmu berkenaan.

"Pada tahun ini, kita akan menjenjarkan semua strategi dan pelan perancangan USIM agar dapat bersedia untuk melonjak ke arah kecemerlangan pada tahun 2015 nanti," katanya melalui Amanat Tahun 2014 Naib Canselor yang berlangsung di Dewan Besar USIM di sini baru-baru ini.

Menurutnya, USIM sememangnya unik kerana ia satu-satunya institusi yang mengangkak integrasi naqli dan aqli bukan sahaja dalam kurikulum malah sistem tadbir urusannya.

Justeru itu, katanya, USIM pada awal tahun 2013 telah diumumkan



DR. Asma Ismail menyampaikan Amanat Tahun 2014 Naib Canselor di Dewan Besar Universiti Sains Islam Malaysia di Seremban, baru-baru ini.

oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai peneraju Konsortium Institusi Pengajian Tinggi Islam bagi Kualiti Akademik dan Penyelidikan Lanjutan atau dikenali sebagai i-IQRA'.

"Negara meletakkan harapan

yang tinggi untuk melihat konsortium ini dapat memperkasakan program akademik dan pengajian Islam yang bukan sahaja terhad kepada institusi pendidikan dalam negara tetapi turut menjangkau manfaatnya di peringkat serantau dan

rakan-rakan di dalam OIC," ujarnya.

Asma berkata, USIM pada usia yang disifatkan masih muda telah mencipta sejarah dan mendapat pengiktirafan apabila memenangi tiga anugerah daripada Europe Business Assembly (EBA) pada Majlis Anugerah Socrates

(Socrates Award Ceremony) yang diadakan di London pada 16 hingga 19 Disember tahun lalu.

Jelasnya, kejayaan USIM memenangi Best Regional University, Best Manager of the Year dan Best Scientist 2013 memberi peluang kepada USIM untuk mengukuh dan memartabatkan sains Islam di peringkat global bertepatan dengan tema universiti itu sendiri iaitu Mempelopori Sains Islam, Memimpin Keilmuan.

Beliau yakin USIM telah mula mendapat kepercayaan kerajaan dan negara bukan kerana kebetulan tetapi disokong oleh rekod prestasi yang baik dan memberangsangkan.

"Meneruskan legasi kejayaan yang lalu, USIM membuktikan pengiktirafan yang diterima di peringkat nasional dan antarabangsa menerusi kecemerlangan institusi, kehebatan bakat oleh figura dan ikon serta meraih pencapaian membanggakan di bidang penyelidikan, penulisan dan penerbitan sehingga mencapai penarafan empat bintang bagi MyRa," ujarnya.